



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Jabatan Pendidikan Negeri Perak  
Jalan Tun Abdul Razak  
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000  
Faks : 605 527 7273  
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

Ruj. Kami: J.Pel.PK (KOKU) 4531/5/2 Jld. 7 ( )

Tarikh: 25 Jamadirakhir 1439H  
13 Mac 2018

**Pengarah,  
Kolej Vokasional,  
Seluruh Negeri Perak.**

**Pengetua,  
Sekolah Menengah / Kolej Tingkatan Enam,  
Seluruh Negeri Perak.**

**Guru Besar,  
Sekolah Rendah,  
Seluruh Negeri Perak.**

Tuan,

**PINDAAN TARIKH: DIALOG KATEGORI OPEN PERTANDINGAN ROBOTIK  
KEBANGSAAN (NRC) 2018 - "CREATING AWARENESS ABOUT PETROSAINS &  
ROBOTICS ACTIVITIES"**

Sukacita saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Surat Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), KPM.600 14/1/10 (86) bertarikh 1 Mac 2018 adalah berkaitan. Dimaklumkan bahawa BKK KPM dengan kerjasama Sasbadi Sdn. Bhd. (Sasbadi) akan meneruskan penganjuran pertandingan tersebut di peringkat kebangsaan manakala Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan Sasbadi akan mengelolakan NRC peringkat negeri.

3. Sehubungan itu, pihak Sasbadi dengan kerjasama Universiti Teknologi Petronas (UTP) akan mengadakan satu sesi taklimat berkaitan pertandingan tersebut seperti ketetapan berikut:

**Tarikh: 27 Mac 2018**  
**Masa: 10.30 pagi**  
**Tempat: Universiti Teknologi Petronas, Tronoh**

3. Pihak sekolah yang berminat untuk menghadiri sesi dialog ini perlu mematuhi semua peraturan yang terkandung dalam pekeliling dan kenyataan media terkini yang sedang berkuatkuasa antaranya penglibatan guru sekolah menengah adalah tertakluk kepada **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2016 (Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Secara Berperingkat-peringkat Mulai Tahun 2017)** manakala guru sekolah rendah perlu mematuhi **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2016 - Pelaksanaan Kurikulum Sekolah Rendah (Semakan 2017) Secara Berperingkat-peringkat Mulai**



Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung



Tahun 2017 berhubung penggunaan masa dan peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran mengikut jam kredit setahun.

4. Untuk makluman, kos pengangkutan dan peralatan berkaitan ditanggung sepenuhnya PTJ masing-masing. Tiada sebarang implikasi kewangan terhadap Jabatan Pendidikan Negeri Perak.

5. Sebarang pertanyaan, hubungi Encik Azli Syahrin Bin Mohd Ikhsan (Eksekutif Kanan Program Korporat, Sasbadi) di talian 012-207 4197 / e-mel: [azli.sasbadi@gmail.com](mailto:azli.sasbadi@gmail.com), Encik Noor Faiz bin Zulkiflee (Pengurus Program dan Acara, Sasbadi) di talian 03-6145 1188 / 012-5796886 / e-mel: [faiz@sasbadi.com](mailto:faiz@sasbadi.com) atau Puan Nur'ainsham binti Abu Bakar (Penyelia Kokurikulum JPN Perak) di talian 05-5015155 / e-mel: [nurainsham.ab@moe.gov.my](mailto:nurainsham.ab@moe.gov.my)

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"PERPADUAN MELALUI KOKURIKULUM"**

Saya yang menurut perintah,



**(HAJI MAT JAAFAR BIN MAT ZAIN, PPT.)**  
**Ketua Sektor,**  
**Sektor Pembangunan Kemanusiaan,**  
**b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Perak.**

- s.k.
1. Pengarah Pendidikan Negeri Perak
  2. Pegawai Pendidikan Daerah Seluruh Negeri Perak
  3. Pengarah Sasbadi Sdn. Bhd.
  4. Ketua Jabatan Elektrik dan Elektronik, Universiti Teknologi Petronas

**BORANG MAKLUMBALAS KEHADIRAN**  
**"CREATING AWARENESS ABOUT PETROSAINS & ROBOTICS ACTIVITIES"**  
**DIALOG KATEGORI *OPEN***  
**PERTANDINGAN ROBOTIK KEBANGSAAN (NRC) 2018**  
**NEGERI PERAK**

Saya .....(Nama)

.....(Jawatan)

dari .....(Nama Sekolah / Jabatan)

akan hadir / tidak hadir ke sesi taklimat tersebut.

**Pengesahan Guru Besar / Pengetua / Ketua Jabatan:**

Cop Rasmi Sekolah / Jabatan:

Borang pengesahan ini hendaklah die-mel ke [azli.sasbadi@gmail.com](mailto:azli.sasbadi@gmail.com) dan c.c. ke e-mel [nurainsham.ab@moe.gov.my](mailto:nurainsham.ab@moe.gov.my) selewat-lewatnya 20 Mac 2018 sebelum jam 5.00 petang.